

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 APRIL 2015

## SAMM desak PDRM siasat kenyataan Tun Mahathir

um - 9/4/2015

**KUALA LUMPUR 8 April** - Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyiasat kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui blognya, Chedet yang didakwa menghasut rakyat membenci Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Laporan yang dibuat di Balai Polis Kuala Kubu Bharu kira-kira pukul

9.30 pagi itu turut mendesak PDRM mengambil tindakan sepatutnya dalam tempoh 10 hari mulai hari ini.

Penyelaras SAMM Hulu Selangor, Megat Khairul Anau berkata, Dr. Mahathir telah membangkitkan beberapa isu yang sama sekali tanpa selindung merupakan hasutan kepada orang ramai untuk membenci Perdana Menteri.

“Bukan sedikit pemimpin pembangkang yang disiasat, ditangkap malah didakwa dengan pelbagai tuduhan kerana mengeluarkan kenyataan menghasut hampir sama. Jadi mengapa Dr. Mahathir bebas tidak terusik meskipun mengeluarkan kenyataan yang hampir sama,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.